

UMS, University of Kochi tandatangani MoU

D^{ATE} 30.11.2012 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan University of Kochi dari Jepun pada Selasa menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk meneroka potensi kerjasama, terutama dalam bidang perkhidmatan makanan, pemakanan dan pertukaran pelajar.

Sambil menyambut baik inisiatif berkenaan, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata MoU yang ditandatangani itu diharap akan mengukuhkan dan membentuk gandingan strategik serta memberi manfaat kepada kedua-dua pihak pada masa akan datang.

"MoU ini akan membolehkan pelajar menjalani latihan, termasuk latihan perindustrian, melalui program pertukaran pelajar antara UMS dan University of Kochi.

"Pelajar UMS diberi latihan amali perindustrian, sejajar dengan misi UMS untuk melahirkan siswazah yang mampu memenuhi permintaan pasaran kerja," kata Dr Mohd Harun dalam ucapannya yang dibacakan Timbalan Naib Canselor universiti itu, Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Mansur.

Beliau berkata program pertukaran pelajar antara UMS dan University of Kochi bukan sahaja akan menambah pengetahuan para pelajar, tetapi juga memupuk persefa-

haman antara pelajar dari kedua-dua negara.

"Di samping itu, ia juga akan mendedahkan pelajar kepada budaya, tradisi dan bahasa dari kedua-dua negara agar mereka lebih menghargainya," kata beliau.

Beliau berkata UMS telah melahirkan 1,381 siswazah dan kira-kira 70 peratus daripada mereka mendapat pekerjaan dalam industri makanan sejak Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan ditubuhkan pada 1997.

MoU itu ditandatangani Dr Kassim bagi pihak UMS, manakala University of Kochi diwakili Presidennya Dr Hiroko Minami.

Sementara itu, Dr Hiroko berkata pemeterian MoU tersebut akan membantu meningkatkan pengetahuan dan kebolehan pelajar, di samping meluaskan jaringan antarabangsa mereka.

"Melalui gandingan penyelidikan saintifik yang dijalankan di UMS dan pengetahuan dalam bidang perubatan yang terdapat di University of Kochi, kami akan dapat memberi penjagaan yang lebih menyeluruh dan lengkap kepada orang ramai ketika berlaku bencana," katanya.—Bernama